



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

30 JUN 2021

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Sebelum ini kerajaan telah mengumumkan Fasa 1 dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) masih kekal memandangkan tiga indikator nilai ambang utama belum dicapai.

Namun begitu, masih ramai yang keliru dan menganggap kita telah beralih ke Fasa 2. Perlu ditegaskan bahawa kita masih berada dalam Fasa 1.

Peralihan Fasa dalam PPN tidak bergantung kepada satu-satu tarikh. Jika kita sudah mencapai tiga (3) nilai ambang dalam tempoh singkat, maka peralihan Fasa seterusnya akan dilaksanakan secepat mungkin.

Justeru, saya berharap kita bersama-sama mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi melandaikan lengkung kes COVID-19, sekaligus membolehkan ketiga-tiga indikator tersebut dicapai dalam masa terdekat.

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan akan mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Secara kumulatifnya, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 96,975 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 21,026 orang.

Semalam, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melakukan 1,867 pemeriksaan ke atas kilang dan 11,316 premis perniagaan.

Daripada jumlah itu, hanya satu (1) premis diarahkan tutup kerana didapati melanggar arahan kerajaan dan SOP.

PKPD Penjara Jelebu (kecuali Blok Muhasabah yang menempatkan tahanan PTP) dan Kwarters Kakitangan, Jelebu, Negeri Sembilan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Penjara Jelebu (kecuali Blok Muhasabah yang menempatkan tahanan PTP) dan Kwarters Kakitangan, Jelebu, Negeri Sembilan.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 793 ujian saringan dan 132 daripadanya dikesan positif COVID-19 yang melibatkan tahanan, kakitangan penjara dan ahli keluarga.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Jelebu (kecuali Blok Muhasabah yang menempatkan tahanan PTP) dan Kwarters Kakitangan, Jelebu, Negeri Sembilan berkuat kuasa 2 Julai sehingga 15 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Pangkal Jetas, Machang, Kelantan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Pangkal Jetas, Machang, Kelantan.

KKM mendapati trend kes harian terus meningkat dan sehingga kini, sebanyak 28 dikesan positif COVID-19 telah dikesan hasil saringan ke atas 172 penduduk di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pangkal Jetas, Machang, Kelantan berkuat kuasa 2 Julai sehingga 15 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk mengelakkan penularan ke dalam komuniti bersebelahan serta memudahkan KKM menjalankan aktiviti mengesan kontak rapat.

PKPD Taman Public, Kota Kinabalu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Public, Kota Kinabalu, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 16 ujian saringan dan sembilan (9) daripadanya direkodkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 56.25%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Public, Kota Kinabalu, Sabah berkuat kuasa 2 Julai sehingga 15 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD Kampung Landung Ayang, Kudat, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Landung Ayang, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 1 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 935 ujian saringan dan 89 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu direkodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Landung Ayang, Kudat, Sabah bermula 2 Julai sehingga 15 Julai 2021.

Penamatan PKPD Kampung Bukit Gemuk, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bukit Gemuk, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 1 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 62 ujian saringan dan 12 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Bukit Gemuk, Tawau, Sabah pada 1 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Tanjung Batu Keramat, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tanjung Batu Keramat, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 1 Julai 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 152 ujian saringan dan 25 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Tanjung Batu Keramat, Tawau, Sabah pada 1 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Perumahan Etara, Jalan Agaseh, Lahad Datu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perumahan Etara, Jalan Agaseh, Lahad Datu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 1 Julai 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 50 ujian saringan dan 13 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Perumahan Etara, Jalan Agaseh, Lahad Datu, Sabah pada 1 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Taman Lavender, Kudat, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Lavender, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 1 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 44 ujian saringan dan 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Lavender, Kudat, Sabah pada 1 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Serikin, Bau, Kuching, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Serikin, Bau, Kuching, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 1 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 1,023 ujian saringan dan 154 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Serikin, Bau, Kuching, Sarawak pada 1 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 96,975 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,598 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 21,026 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 600 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 592 individu dikompaun manakala lapan (8) lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (136)
- Tiada penjarakan fizikal (125)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (104)
- Tidak memakai pelitup muka (96)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (70)
- Membawa penumpang berlebihan (30)
- Premis gagal patuhi arahan (12)
- Lain-lain (27)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 25 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas enam (6) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak 114 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui tujuh (7) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 992 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 938 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 147 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 64 zon merah, zon jingga (2) dan zon kuning (6).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 1,008 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 231 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 173 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 29,764 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 529 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 237,097 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 70 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,658 individu telah dikuarantin dan 225,574 orang dibenarkan pulang manakala 2,865 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 725 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (540), pemborong (153) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,704 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,689 premis mematuhi SOP manakala 15 lagi dikenakan kompaun.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 59 warga asing telah menjalani ujian saringan dan dua (2) kes positif COVID-19 telah direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 700,196 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,375 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,375 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 689,821 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**